

# Utamakan faedah jangka panjang : PM

(A)  
KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi gesaannya kepada negara-negara maju supaya menghapuskan kebimbangan dan amalan pilih kasih terhadap negara-negara membangun.

Perdana Menteri juga menyatakan kesal terhadap beberapa buah kerajaan kerana sengaja membuat keputusan yang membeza-bezakan negara-negara membangun dan merosakkan kerjasama antarabangsa.

Beliau berkata, adalah amat mengecewakan negara-negara itu membuat keputusan dalam rangka kepentingan dalam negeri masing-masing dan kadangkala, dipengaruhi oleh tekanan keadaan kebangsaan, sosial, ekonomi atau politik.

Katanya, Malaysia amat memandang berat tindakan setengah negara maju yang mengamalkan sikap "permusuhan yang tidak diisytiharkan" sewaktu menggubal dasar-dasar pelajaran mereka.

"Pengenaaan yuran belajar yang tinggi dan sekatan kuota bagi pelajar-pelajar sebarang laut adalah contoh aliran pandangan sempit ini," tegasnya ketika merasmikan mesyuarat ke-30 Jawatankuasa Perunding Rancangan Colombo, di sini.

## Latihan

Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan negara-negara maju itu bahawa keuntungan jangka pendek mereka dalam menaikkan yuran dan sebagainya tidak dapat mengimbangi kehilangan jangka panjang di segi muhibah.

"Saya ingin menggesa negara-negara anggota yang maju supaya memberikan perhatian sewajarnya terhadap pertimbangan ini apabila menggubal dasar-dasar mengenai pertukaran latihan dan pendidikan," katanya.

Sambil mengesakan perlunya mereka menghapuskan kebimbangan dan pilih kasih terhadap negara-negara membangun, Perdana Menteri berkata, langkah-langkah yang diambil oleh negara-negara maju akan menghalang kemajuan lebih awal di kalangan negara membangun dan meletakkan mereka dalam

keadaan kemiskinan yang kekal.

Katanya, pengeluaran binaan utama semata-mata tidak akan menukarkan corak negara-negara membangun menjadi negara maju kerana proses pertukaran itu akan hanya berlaku jika mereka menyertai bidang pemrosesan dan pembuatan.

Negara-negara membangun tidak akan sekali-kali menggantikan tugas negara-negara maju sebagai pengeluar utama barang-barang siap, tegasnya.

Beliau berkata, tugas mereka hanya terhadap kepada industri-industri yang kurang sofistikated, khususnya yang berasaskan buruh dan oleh itu mereka akan saling membantu industri-industri negara maju.

Berlinu bagaimanapun, yakin negara-negara membangun itu mempunyai peluang untuk menjadi lebih kaya dan seterusnya menjadi pelanggan yang lebih baik kepada negara-negara maju.

"Lantaran itu, negara-negara maju tidak harus mencria sahaja proses pertukaran yang berlaku di negara-negara membangun tetapi patut turut membantu," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menarik perhatian terhadap jurang ekonomi yang masih luas wujud di kalangan negara-negara membangun yang menganggotai Rancangan Colombo, dengan setengah negara, m e m -

punyai keluaran negara kasar di bawah AS\$100 (M\$230).

Beliau mengesakan, lebih banyak usaha harus dibuat untuk membetulkan perbezaan itu.

Katanya, tugas Rancangan Colombo masih belum selesai selagi wujud jurang yang luas dalam pembangunan sosioekonomi di kalangan negara-negara anggota.

## Keutamaan

"Sementara tiap-tiap negara anggota menetapkan keutamaan masing-masing dalam mencapai pembangunan ekonomi dan sosial, semua negara anggota, saya percaya, menyedari perlunya kerjasama rapat dan perkongsian tanggungjawab secara jujur dalam usaha mewujudkan susunan ekonomi dan sosial yang lebih adil," ujarnya.

Perdana Menteri juga menckankan pentingnya kerajaan-kerajaan negara membangun bekerjasama dengan sektor swasta untuk melengkapkan kegiatan pencyclidikan dan pembangunan dalam bidang-bidang yang berpotensi dan boleh digunakan secara komersil.

Dalam hubungan ini, beliau mengesyorkan supaya diwajibkan kemasyarakatan bidang penyelidikan dan pembangunan dalam perjanjian-perjanjian usahasama dalam industri-industri tertentu.